

# NGO digesa mohon Geran Khas Hasanah 2022

Pertubuhan akan  
ditapis pastikan  
penuhi kriteria  
lima teras utama

Oleh Saadiah Ismail  
saadiah\_ismail@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Yayasan Hasanah mengesa lebih banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memenuhi kriteria untuk tampil memohon dana menerusi Geran Khas Hasanah 2022 (HSG2022) yang akan ditutup

hadap mana-mana NGO yang ingin membuat permohonan dana iaitu pendidikan, pembangunan komuniti, alam sekitar, seni dan ruang awam serta ilmu pengetahuan.

“Sebelum ini menerusi HSG1 tahun 2022 dan HSG2 iaitu pada tahun sama, kita sudah agih sebanyak RM50 juta menerusi 160 projek dijalankan oleh NGO dengan manfaat kepada 190,000 penerima.

“Alhamdulillah semuanya berjalan dengan lancar dan kali ini kita nak agihkan sebanyak RM100 juta pula, iaitu peruntukan paling terbesar dengan kerjasama daripada Kementerian



Seorang wanita menerima latihan kemahiran daripada NGO, Turtle Conservation Society of Malaysia menerusi dana Yayasan Hasanah.

Kewangan (MOF).

## Perlu penuhi kriteria

“Jadi, di sini kita ingin mencari NGO yang benar-benar memenuhi kriteria ditetapkan kerana ia untuk memastikan dana diberi dapat disalurkan dengan tepat,” katanya kepada *BH*.

Yayasan Hasanah diperbadankan pada 2015 sudah mengagih RM1.2 bilion dengan kerjasama

lebih daripada 450 NGO dan memberi manfaat kepada 2.2 juta penerima.

Shahira berkata, walaupun banyak permohonan diterima, tetapi kebanyakannya tidak memenuhi syarat seperti dua tahun penubuhannya, fokus sasarannya dan kebanyakan NGO ini adalah NGO kecil.

“Apabila kita ingin memberikan dana, ia perlu melalui proses pemilihan di mana kebolehan

pendapatan masyarakat luar bandar dan miskin bandar, kesedaran kesihatan mental menerusi bantuan daripada kaunselor dan psikologi dan sistem sokongan pembelajaran memandangkan ramai murid yang terjejas akibat tidak dapat hadir ke sekolah.

“Selain itu, program pembangunan ekosistem, geran pembangunan dan pelbagai lagi saluran ingin dibantu menerusi

perhimpunannya pada 15 Ogos ini.

Pemegang Amanah dan Pengarah Urusan Yayasan Hasanah, Datuk Shahira Ahmed Bazari, berkata setakat ini beratus-ratus permohonan sudah diterima, bagaimanapun ia perlu ditapis untuk memastikan NGO berkenaan memenuhi lima bidang teras utama.

Katanya, Yayasan Hasanah menetapkan lima teras utama ter-



“Sebelum ini menerusi HSG1 tahun 2022 dan HSG2 iaitu pada tahun sama, kita sudah agih sebanyak RM50 juta menerusi 160 projek dijalankan NGO”

**Shahira Ahmed Bazari,**  
Pemegang Amanah dan Pengarah  
Urusan Yayasan Hasanah

# Yayasan perkasa golongan sasar pelbagai bidang

**Kuala Lumpur:** Selari dengan penubuhannya sebagai yayasan penganugerahan geran bebas di bawah Khazanah Nasional Berhad, Yayasan Hasanah terus kekal unggul untuk membantu memperkasakan golongan sasaran dalam pelbagai bidang termasuk membabitkan badan bukan kerajaan (NGO) wanita.

Pemegang Amanah dan Pengarah Urusan Yayasan Hasanah, Datuk Shahira Ahmed Bazari, berkata sepanjang sembilan tahun penubuhan Yayasan Hasanah, wanita antara kumpulan terbesar yang mendapat manfaat daripada setiap saluran dana yang diberikan menerusi kerjasama dengan ratusan organisasi NGO.

Katanya, program membabitkan kelangsungan hidup antara yang dilihat banyak membantu wanita dalam berdepan situasi ekonomi tidak menentu teruta-

ma sepanjang tempoh pandemik dua tahun lalu.

“Sepanjang pandemik lalu, dibawah teras pembangunan komuniti, banyak program membabitkan kewangan dan perniagaan mendapat perhatian wanita yang berusaha untuk mengubah kehidupan yang terkesan.

“Menerusi laporan NGO dan pemantauan Yayasan Hasanah, wanita ini tekun dan sentiasa mengikuti program bimbingan yang dilakukan, berbanding kumpulan lelaki yang inginkan hasil segera.

“Antaranya, menerusi kerjasama NGO seperti *Women of Will*, di mana dengan dana yang diberikan oleh Yayasan Hasanah, wanita ini berjaya mengubah kehidupan yang sebelum ini berniaga secara konvensional, kepada secara dalam talian.

“Selain itu, ada juga NGO yang bekerjasama dengan ko-

muniti pengusaha dan rata-rata mereka berjaya meningkatkan produktiviti dengan bantuan peralatan lebih canggih,” katanya kepada *BH*.

## Lebih 1.48 juta sudah dibantu

Berdasarkan laporan Yayasan Hasanah sepanjang statistik 2021, lebih 1.48 juta orang terdiri daripada pelarian, keluarga, pelajar, guru, orang kurang upaya dan Orang Asli berjaya dibantu. Jumlah individu mendapat manfaat sepanjang 2021 sebanyak 66 peratus daripada jumlah keseluruhan iaitu 2.26 juta orang sejak ditubuhkan pada 2015.

Manakala jumlah dana yang diuruskan dengan kolaborasi dan projek yang diselia mewakili hampir separuh daripada jumlah keseluruhan iaitu 477.

Shahira berkata, bukan itu saja, Yayasan Hasanah turut mem-

dan ketelusannya dipastikan kerana kerja-kerja kebajikan ini bukannya mudah.

“Bagaimanapun, kita akan cuba untuk membantu juga NGO membina kapasiti mereka, sekali gus membolehkan dana disalurkan secara berperingkat,” katanya.

Shahira menjelaskan, pelbagai program yang memfokuskan kepada komuniti terjejas ingin dilaksanakan seperti penjanaan

NGO yang menjadi orang tengah ini.

“Jadi sebolehnya mana-mana NGO yang memenuhi lima teras utama dan menjadikan bidang ini sebagai satu bidang profesional, buatlah permohonan kepada yayasan secepat mungkin,” katanya.

NGO yang memenuhi kriteria boleh memohon menerusi [yayasanhasanah.org/hasanah-special-grant-2022](http://yayasanhasanah.org/hasanah-special-grant-2022).

bantu pelajar dari golongan B40 yang memenuhi kriteria untuk memohon program biasiswa Khazanah yang ditawarkan kepada seramai 100 orang setahun.

“Sehingga kini kita sudah memberikan sebanyak 1,500 biasiswa kepada pelajar cemerlang yang mana kita menempatkan mereka di universiti terbaik dalam dan luar negara.

“Rata-rata daripada semua dana yang ditawarkan menerusi lima teras Yayasan Hasanah, golongan B40 antara yang banyak menerima manfaatnya.

Beliau menjelaskan, rekod baharu untuk keperluan bantuan yang mendadak sepanjang tempoh pandemik lalu menunjukkan jurang dalam sistem perlindungan sosial negara.

“Setiap orang dilihat terkesan teruk dalam mengharungi ca-

baran getir ini, jadi saya berpandangan sistem perlindungan sosial negara ini perlu dinilai semula dengan lebih holistik.

“Yayasan Hasanah sentiasa mempunyai cabaran bagaimana untuk melunaskan tanggungjawab yang dipikul ini antaranya dari segi kapasiti sesebuah NGO itu.

“Kebanyakan NGO hanya memfokuskan kepada satu perkara saja dan ini menjadi satu cabaran kepada kami, bagaimanapun Yayasan Hasanah sentiasa berusaha untuk memastikan NGO itu memenuhi kriteria ditetapkan.

“Yayasan Hasanah juga berpandangan sistem perlindungan sosial ini memerlukan individu yang profesional dan bukannya sekadar mengisi masa. Banyak masalah kompleks yang perlu diselesaikan, jadi sudah tiba masanya ia dijadikan sebagai satu sektor profesional,” katanya.